



PARLIMEN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA PERINGKAT PARLIMEN 2026

“WANITA MEMATANGKAN DEMOKRASI”

KUALA LUMPUR, 7 April 2026: Parlimen Malaysia dengan kerjasama Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Bagi Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) dan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Bagi Kesaksamaan Gender (APPGM-GE), melalui inisiatif intervensi dasar, usaha sama APPGM-SDG, Yayasan Hasanah dan Kementerian Kewangan telah menganjurkan Program Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Parlimen 2026. Sambutan tahun ini yang bertemakan ***“Wanita Mematangkan Demokrasi”*** telah berlangsung di Dewan Bankuet, Blok Utama, Parlimen Malaysia.

Penganjuran program ini mencerminkan komitmen berterusan Parlimen Malaysia dalam memperkukuhkan peranan wanita sebagai pemangkin kematangan institusi demokrasi negara, selaras dengan usaha memperkasakan penyertaan inklusif dalam pelbagai peringkat, proses pembuatan dasar dan tadbir urus negara. Program ini menghubungkan pemimpin wanita peringkat akar umbi terus ke ekosistem pembuatan dasar nasional, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 5.5 yang menekankan penyertaan penuh wanita dalam kepimpinan.

Majlis ini dirasmikan oleh **YB Puan Alice Lau Kiong Yieng, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat** yang seterusnya melancarkan buku amalan terbaik bertajuk *“From Ground to Greatness: Malaysian Grassroots Transformations Under APPGM-SDG”*. Dalam ucapan, beliau menekankan kepentingan memperkasa peranan wanita sebagai pemimpin, pencetus perubahan serta penggerak utama dalam memperkukuh dan mematangkan institusi demokrasi negara, selaras dengan aspirasi Malaysia ke arah tadbir urus yang lebih inklusif dan progresif.

Beliau juga turut menyeru agar semua pihak terus berganding bahu dalam memperluas dan memperkukuh penyertaan wanita di semua peringkat kepimpinan serta dalam proses pembuatan dasar negara.

Turut hadir pada majlis ini **YB Puan Hajah Rodziah binti Ismail**, Naib Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat serta **YBrs. Puan Nur Rahmah binti Othman**, Pengarah Eksekutif Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Bagi Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG).

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
PARLIMEN MALAYSIA
7 APRIL 2026

MAKLUMAT PROGRAM

1. Sesi Forum “Wanita sebagai Institusi: Cabaran dan Masa Depan”

Sambutan ini turut mengangkat dimensi perbincangan strategik melalui sesi wacana bertajuk “Wanita sebagai Institusi: Cabaran dan Masa Depan” yang menampilkan barisan panelis wanita berpengalaman daripada pelbagai latar belakang kepimpinan, komuniti dan industri.

Wacana ini menampilkan barisan panelis:

- **YB Dato’ Hajah Mumtaz Md Nawi**
(Ahli Parlimen Tumpat / Ahli Jawatankuasa Pilihan Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat Dewan Rakyat / Timbalan Pengerusi APPGM-Kesaksamaan Gender (APPGM-GE))
- **Puan Sridayu Samsuri**
(Pengerusi Persatuan Wanita Inspirasi Kuantan (WINK) / Pengurus Teja Station / Rakan Solusi APPGM-SDG)
- **Puan Juddy Ladius**
(Pengarah Urusan Moyog Innovation Centre / Rakan Solusi APPGM-SDG)
- **Puan Puvaneswari Subramaniam**
(Pengarah Urusan Godigital Production / Rakan Solusi APPGM-SDG)
- **Puan Kasthuriraani Patto**
(Setiausaha Hal Ehwal Antarabangsa DAP Naib Pengerusi Sayap Wanita DAP, Mantan Ahli Parlimen Batu Kawan) selaku *Moderator*.

Perbincangan ini telah mengupas peranan wanita sebagai institusi sosial yang penting dalam memacu pembangunan negara, di samping meneliti cabaran semasa serta hala tuju dalam memperkukuh kepimpinan wanita secara inklusif dan berimpak tinggi.

2. Sesi Bengkel “Realiti di Sebalik Kepimpinan Wanita”

Sambutan ini turut disokong dengan pengisian ilmiah melalui bengkel bertajuk “Realiti di Sebalik Kepimpinan Wanita” oleh APPGM-Kesaksamaan Gender (APPGM-GE) dengan kerjasama rakan organisasi masyarakat sivil (CSO). Bengkel ini dimulakan dengan tayangan video ucapan khas oleh YB Dato’ Sri Doris Sophia Anak Brodi, Pengerusi APPGM-GE merangkap Ahli Parlimen Sri Aman. Sesi ini memfokuskan isu bias gender, isu keganasan berasaskan gender dan solusi pembinaan ekosistem keluarga yang positif, dengan penglibatan fasilitator daripada Women’s Aid Organisation (WAO) dan ENGENDER Consultancy.

3. *Pameran Inovasi Akar Umbi*

Program ini turut menampilkan 16 reruai pameran yang menghimpunkan pelbagai produk serta inisiatif komuniti yang diterajui oleh para wanita dari Rakan Solusi dan penerima manfaat projek APPGM-SDG seluruh negara. Antara organisasi yang terlibat ialah Teja Station (Kuantan), Moyog Innovation House (Sabah), Koperasi Orkid Sarawak, Persatuan Wanita Tani Labuan, Gabungan Anak-Anak Palsi Serebrum (GAPS).

4. *Aspirasi Ke Hadapan*

Program ini diharapkan dapat merapatkan jurang penglibatan wanita dalam kepimpinan dan proses membuat keputusan, khususnya dengan memperkukuh peranan Parlimen sebagai jambatan yang menghubungkan dasar negara dengan suara dan realiti wanita di peringkat akar umbi. Melalui penglibatan pelbagai pihak berkepentingan termasuk Ahli Parlimen, pemimpin muda, serta pertubuhan masyarakat sivil, inisiatif ini mencerminkan komitmen Parlimen Malaysia dalam memastikan suara wanita di akar umbi diangkat secara bermakna ke dalam proses perundangan dan pembuatan dasar, sekali gus memartabatkan wanita sebagai tunjang kestabilan demokrasi dan pembangunan mampan negara.

**ATUR CARA PROGRAM
SAMBUTAN HARI WANITA SEDUNIA
PERINGKAT PARLIMEN 2026
7 APRIL 2026 (SELASA) | 9.30 PAGI – 4:30 PETANG
DEWAN BANKUET, ARAS G, BLOK UTAMA**

9:00 pagi	Ketibaan Peserta Ketibaan Moderator dan Ahli Panel
9:30 pagi	Ketibaan Tetamu Kehormat
10:00 pagi	<p>Ketibaan:</p> <p>YBrs. Puan Nur Rahmah binti Othman Pengarah Eksekutif Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia bagi Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG)</p> <p>YBhg. Dato' Dr. Ahmad Husaini bin Abdul Rahman Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia</p> <p>Yang Berhormat Puan Hajah Rodziah binti Ismail Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat</p> <p>YB Puan Alice Lau Kiong Yieng Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat</p>
	Sesi Fotografi
	Nyanyian Lagu Negaraku
	Bacaan Doa
10:10 pagi	<p>Ucapan Alu-aluan:</p> <p>Yang Berhormat Puan Hajah Rodziah binti Ismail Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat</p> <p>Ucapan Penghargaan:</p> <p>YBrs. Puan Nur Rahmah binti Othman Pengarah Eksekutif Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia bagi Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG)</p>

	<p>Ucapan Perasmian: YB Puan Alice Lau Kiong Yieng Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat</p>
	<p>Pelancaran Buku Laporan Aktiviti APPGM <i>"From Ground To Greatness"</i></p>
	<p>Penyampaian Cenderamata</p>
	<p>Lawatan ke Pameran</p>
11:15 pagi	<p>Sesi Panel: "Wanita sebagai Institusi: cabaran dan masa depan"</p> <p>Ahli Panel:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Yang Berhormat Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi Ahli Parlimen Tumpat/Ahli Jawatankuasa Pilihan Wanita, Kanak-kanak dan Pembangunan Masyarakat ii. Puan Sridayu binti Samsuri Pengerusi Persatuan Wanita Inspirasi Kuantan (WINK)/ Pengurus Teja Station iii. Puan Juddy Lacijs Pengarah Urusan Moyog Innovation Centre iv. Puan Puvaneswari Subramaniam Pengarah Urusan Go Digital Production <p>Moderator: Puan Kasthuriraani Patto Mantan Ahli Parlimen Batu Kawan</p>
1:00 tengahari	<p>Jamuan Makan</p>
2:00 petang	<p>Bengkel "Realiti Di Sebalik Kepimpinan Wanita" oleh APPGM-Gender</p>
3:00 petang	<p>Sesi 1: Bias Gender dan Keganasan: Cabaran Demokrasi Inklusif</p> <p>Sesi 2 : Ekosistem Keluarga Positif: Pemangkin Kepimpinan Wanita</p>
4:00 petang	<p>Penutup</p>
4:30 petang	<p>Bersurai</p>